



AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

e-Lingua

Academy of Language Studies
UiTM Gawangan Pulau Pinang

January 2024

Table of Content



<u>Chief Editor's Desk</u>	<u>2-5</u>
<u>News & Reports</u>	<u>6-19</u>
<u>Language Club News & Reports</u>	<u>20-24</u>
<u>Self-love First</u>	<u>25-32</u>
<u>Travel & Leisure</u>	<u>33-41</u>
<u>Home Garden</u>	<u>42-45</u>
<u>Teaching & Learning</u>	<u>46-54</u>
<u>Lecturer's Contribution</u>	<u>55-72</u>
<u>Creative Corner</u>	<u>73-83</u>
<u>The Team</u>	<u>84</u>

Majlis Apresiasi APB 2023

Kemajuan atau pembangunan sesebuah organisasi adalah bergantung kepada komitmen semua staf dalam sesebuah organisasi tersebut. Salah satu inisiatif yang boleh diambil bagi menyuntik semangat setiap staf dalam mengekalkan produktiviti seterusnya melakar kejayaan demi kejayaan adalah dengan meraikan pencapaian mereka. Justeru, pada 1 Februari 2023, bertempat di di Hotel UiTM Cawangan Pulau Pinang, Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Pulau Pinang, khususnya Jawatankuasa Khidmat Masyarakat dan Kebajikan Sosial Staf APB telah menganjurkan Majlis Apresiasi APB 2023. Bertemakan konsep fesyen antara bangsa, barisan staf yang hadir kelihatan cantik dan segar menggayakan pelbagai jenis pakaian seperti Kimono, Baju Kurung, Baju Kebarung, Jubah, Kurta, Cheongsam moden, Hanfu dan Tangzhuang.

Terdapat 13 kategori anugerah atau penghargaan yang telah diberikan. Antara kategori tersebut ialah Anugerah Penerbitan, Anugerah Inovasi, Anugerah Pencapaian Geran Penyelidikan, Anugerah Pengantarabangsaaan MOU dan MOA, Anugerah Perundingan, Anugerah Penjanaan Kewangan, Anugerah Penganjuran Khidmat Masyarakat APB, Anugerah Jawatankuasa Cemerlang, Anugerah Kelab Paling Aktif, Anugerah Atlet APB, Penghargaan Perkhidmatan Ketua Unit, Penghargaan Perkhidmatan Lecturer in Charge (LiC) dan Penghargaan Perkhidmatan lebih 20 tahun di APB UiTM CPP. Setiap penerima anugerah pulang dengan sejumlah wang tunai, plak, sijil dan poster kanvas.



Selain itu, majlis ini turut meraikan kejayaan Ketua Pusat Pengajian (KPP) APB – PM Dr. Hajah Rofiza Aboo Bakar yang telah menaungi APB selama 4 tahun dengan penuh jaya. Majlis ini juga sekaligus merupakan majlis perpisahan mantan KPP APB iaitu Puan Rosmaliza Mohamed yang berpindah ke UiTM Cawangan Kelantan pada bulan Mac 2023. Alhamdulillah, majlis yang julung-julung kali diadakan ini telah berjalan dengan lancar dengan penyampaian anugerah dan penghargaan di samping menikmati hidangan lazat yang telah disajikan. Majlis sebegini diharapkan menjadi aktiviti tahunan bagi meraikan serta menghargai komitmen dan kejayaan staf di peringkat APB.



Oleh Raja Rosila Raja Berahim, Nur Afiah Ab .Latif & Aileen Farida Mohd Adam

